

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
نَحْمَدُهُ وَنُصَلِّي عَلَى رَسُولِهِ الْكَرِيمِ

## Gerakan Kebangsaan Malaysia Yang Tidak Bercanggah Dengan Konsep Asabiyyah<sup>1</sup>

Syeikh Muhammad 'Uthman El-Muhammady  
(ISTAC IIUM, IIM, Yayasan Karyawan)

1. *Bi-'awnika ya Latif!* Ceramah ini terdiri daripada beberapa bahagian, pertama bahagian tentang sejarah ringkas gerakan kebangsaan yang membawa kepada kemerdekaan, kedua sebutan tentang hasil-hasil gerakan kebangsaan itu yang membawa kepada kemerdekaan dan faedah-faedah pembangunan selepas kemerdekaan, termasuk pembangunan yang jelas dalam segi keagamaan, ketiga hujah tentang keabsahan nasionalisme Melayu yang sifatnya tidak terpisah dari agama Islam, walaupun ada tuduhan pengkaji tentang itu, dan keempatnya hujah tentang keabsahan bahawa nasionalisme itu bukannya bersifat sekular dalam erti Barat, tetapi ada keabsahannya dari segi Islam.

Bahagian yang berkaitan dengan tuduhan sekularisme juga diberikan perhatian dalam nota ini untuk menunjukkan bahawa tuduhan pihak yang membuat kenyataan berlakunya sekularisasi di negara ini adalah tidak tepat mengikut fakta dan kefahaman yang benar tentang semantik persoalan yang terlibat dalam huraiannya.

### Majalah al-Imam dan lain-lainnya

2. Satu daripada alat yang paling awal dan berpengaruh dalam kebangkitan kebangsaan Melayu ialah majalah 'al-Imam' yang dimulakan di Singapura tahun 1906, waktu itu sebagai pusat nasionalisme Melayu. Ia dimulakan oleh sekumpulan intelektual Islam Melayu yang ada hubungan kekeluargaan dan perniagaan yang luas dengan pihak Othmaniah di Timur Tengah. Yang menyusun gerakan itu antara yang terkenalnya ialah Syeikh Mohd Tahir b. Jalaluddin al-Azhari, yang mendapat pendidikan di Kahirah, dan dipengaruhi oleh Syeikh Mohd Abduh dan Rasyid Ridha. Seorang lagi ialah Sayyid Syeikh

---

<sup>1</sup> Kertas ini telah dibentangkan dalam Seminar Perjuangan Kebangsaan & Patriotisme Dalam Peradaban Malaysia pada 16 Disember 2011 di Dewan Konvensyen E-Learning, UPSI, anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Majlis Professor Negara dan dibentang semula dengan sedikit penambahan untuk usrah bulanan Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) pada 3 Januari 2012.

Al-Hadi, yang lahir di Melaka, berasal keturunan Arab dari Hadhramaut; kemudian Haji Abbas Taha dari Singapura dan Syekh Muhammad Salim al-Kalali, seorang ahli perniagaan dari Aceh, yang menjadi pengarah majalah al-Imam dalam masa dua tahun awalnya. Dalam tiga puluh tahun kemudiannya al-Imam memainkan peranan besar sebagai penyampai kebangsaan Melayu yang radikal, menentukan polisinya sebagai pengarang, menentang ulama yang dianggap tidak maju, dan menentang penjajah yang mengeksploitasi Orang Melayu dan menundukkan mereka (Ozay: h 104).

3. Al-Imam menunjukkan fahaman nasionalisme yang dipengaruhi oleh hubungannya dengan Timur Tengah; ia 'nasionalisme yang bersifat orientasi ke luar dan bukan ke dalam (*It was outward rather than inward-oriented* kata Ozay Mehmet, hal. 104). Ia berlaku kerana dari empat orang yang berfikiran kreatif di sebalik gerakan itu hanya Haji Abbas sahaja orang dari Semenanjung Tanah Melayu. Dengan orientasi ke luar ini majalah al-Imam memujuk orang Melayu sebagai ummah untuk mengakui kesetiaan mereka di luar daripada kesetiaan kepada sultan negeri dan negeri mereka; Gerakan Pan-Islamisme, yang berupa polisi kerajaan Othmaniah Turki waktu itu (di bawah Sultan Abdul Hamid) menjadi pengaruh yang terbesar dalam nasionalisme Melayu. Dalam masa pembentukan nasionalisme Melayu yang demikian gerakan itu mendapat bantuan kewangan dan politik dengan disponsori oleh tokoh-tokoh seperti Hajji Attaullah Effendi dan Muhammad Asagoff yang merupakan wakil kerajaan Othmaniah dalam kawasan ini, juga Muhammad Kamal Bey duta Othmaniah yang pertama di Betawi, dan yang satu-satunya sahaja. Beliau dipecat oleh Belanda dalam tahun 1899 kerana kegiatan-kegiatan Pan-Islamismenya dan akhirnya ia berada di Singapura (Reid. Reid 1967:271, 279–80). Pihak penjajah mengambi berat sekali tentang gerakan Pan-Islamisme itu kerana ia berpengaruh dan berkembang dalam semua peringkat masyarakat Melayu. Dengan itu bila kapal perang Turki 'Ertogroul' melawat Singapura dalam perjalanan ke Jepun, itu menyebabkan naik semangat di kalangan Orang Melayu dan India Muslim. Maka surat-surat ditulis sebagai petisyen untuk menyatakan masalah-masalah yang dihadapi, dan juga ada surat-surat dari Raja Selangor dan Raja Atjeh untuk kapten kapal Turki itu memohon pertolongan dari Sultan-Khalifah Turki. Bagaimanapun kapal itu belayar sebelum surat-surat itu boleh disampaikan kepada kaptennya. (Reid 1969b: 258) (Ozay: hal. 105).

4. Gerakan Pan-Islamisme Sultan Abdul Hamid Turki terlalu amat berpengaruh dalam membentuk nasionalisme Melayu dan juga Indonesia. Pada masa kuasa penjajah berada di kemuncaknya Islam memainkan dua peranannya: ia menyatupadukan dunia mereka yang beriman berhadapan dengan tindakan-tindakan ketidakadilan penjajah, dan pada masa yang sama ia memberi gambaran jatidiri dalam masyarakat majmuk waktu itu (*multiracial society*). Kerajaan Othmaniah, walaupun pada waktu itu terlalu amat lemah sekali, bagaimanapun ia berupa satu-satunya sahaja kuasa Islam yang merdeka, dan dengan itu, maka polisi Pan-Islamismenya boleh dan memang berfungsi, dalam memberi semangat perjuangan kepada gerakan kebangsaan di Alam Melayu yang sedang mula berkembang itu. Dengan itu maka al-Imam memberi liputan yang luas kepada berita-berita dari kerajaan Othmaniah Turki dan Timur Tengah. Misalnya ada artikel-artikel tentang tentera laut Turki dalam keluaran bulan Januari 1907, juga tentang kereta api

Hijaz pada bulan Julai 1907, dan sistem pentadbiran kerajaan Turki dalam bulan Oktober 1907 (Roff 1967: notakaki 59). (Ozay: hal. 105).

5. Majalah al-Imam kemudiannya diikuti oleh banyak akhbar-akhbar lainnya seperti Neraca, Warta Malaya, Al-Ikhwan, dan Saudara. Semua penerbitan-penerbitan ini memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan nasionalisme Melayu; tetapi nasionalisme peringkat ini bersifat keagamaan, yang berkait dengan ideologi Pan-Islamisme. Ia menunjukkan kepada Orang Melayu tentang dunia luas Alam Islam itu, juga pengalaman yang sama di kalangan muslimin di bawah pemerintahan penjajah dan ketidakadilannya, serta keperluan untuk bersama dengan perjuangan demikian, berserta dengan saudara seagama itu. Dalam rangka perjuangan demikian Turki mendapat kedudukan yang khusus, dan Sultan Othmaniah, walaupun sedemikian berkuasa di Turki dengan unsur-unsur 'despot'nya, ia dihormati sebagai khalifah di mana-mana. Orang Melayu dengan segera bersimpati dengan Orang Turki dalam semua peperangan mereka, termasuk kempen di Libya menentang Itali, peperangan Balkan dan Perang Dunia I. Mereka khususnya berbangga dengan kemenangan Turki di Gallipoli mengalahkan Orang Greek. (Ozay: 105) Buku-buku popular berkenaan dengan Mustafa Kamal Attaturk, perang kemerdekaan Turki dan terasasnya negara republic di Ankara diterbitkan dan dibaca dengan meluasnya (Za'aba 1939: 160-161) (Ozay: 105). Kemudian secara beransur-ansur berlaku peralihan dalam gerakan itu, daripada jenis kebangsaan cara Pan-Islamisme kepada kebangsaan yang melihat ke dalam menentang penjajah, menjadi gerakan kemerdekaan. Sehingga tahun 1926, kebangsaan Melayu agak kurang dalam orientasi politiknya. Dalam tahun 1926 Singapore Malay Union (SMU) diasaskan, ia bentuk awal bagi parti-parti politik Melayu tahun 1940an itu. Ini menandakan peralihan daripada faham kebangsaan yang bersifat keagamaan menjadi satu fahaman kebangsaan Melayu yang bersifat sekular ('a secular brand of Malay nationalism' kata Ozay: 105). Dengan terbentuknya SMU, maka golongan elit intelektual Melayu menjadi lebih bertambah lagi menyedari keperluan kepada tindakan secara politik dan kepimpinan yang berkesan melalui kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan demi untuk mencapai kemajuan bagi orang Melayu (*Malay progress*). Maka mobilisasi politik menjadi tidak boleh tidak demi untuk menjaga kepentingan-kepentingan Melayu mendepani penjajahan dan bangsa-bangsa lain di Malaya. Orang Cina dan India dibawa oleh Inggeris untuk menjadi pekerja-pekerja yang memberi tenaga murah dalam ladang-ladang dan lombong-lombong. Ini semakin mengancam kedudukan Orang Melayu.

6. Dalam tahun 1931 seorang ahli majlis mesyuarat dewan undangan negeri yang berbangsa Cina membuat kenyataan:

Siapa kata ini negeri Melayu? Bila Captain Light datang ke sini adakah ia bertemu dengan mana-mana kampung Melayu? Datuk nenek kita datang ke sini dan berkerja sebagai buruh dan mereka tidak menghantar wang ke negeri Cina. Mereka membelanjakan wang itu di sini dan dengan ini ertinya kerajaan boleh membuka negeri ini menjadi negeri yang maju ('a civilized one'). Kita sudah menjadi satu dengan negeri ini. Ini milik kita, negeri kita.' (Dinukil dalam Soenarno, 1960: 11). (Ozay:106).

7. Orang Melayu bukannya tidur dari segi politiknya; mereka sedar dengan sebenarnya tentang implikasi-implikasi yang penuh dari polisi imigrasi waktu itu. Pencabulan atas hak Melayu sebagai 'Bumiputera' dan hak-hak istimewanya membawa kepada timbulnya sanggahan yang segera. Dalam 'Singapore Free Press' pada 22 March 1928 terdapat tulisan:

*The Malays have awakened to the problem of western civilisation which they have to face and already there is a realisation that, if they are to succeed against the encroachment of other races in Malaya, they must combine for their own and the welfare of succeeding generations. (Quoted in Soenarno 1960: 15)*

“Orang Melayu sudah sedar tentang masalah tamadun Barat yang mereka terpaksa mendepaninya, dan terdapat kesedaran bahawa kalau mereka hendak berjaya dalam mendepani pencerobohan bangsa-bangsa lain di Malaya, mereka mesti bersatu di kalangan mereka demi kesejahteraan mereka dan generasi-generasi yang berikutnya”. (Dinukil dalam Soenarno 1960: 15) (Ozay: 106)

8. Dengan terbentuknya UMNO dalam tahun 1946 maka nasionalisme Melayu dan jatidiri [Melayu] menjadi satu. “Umno merupakan pendewasaan nasionalisme politik Melayu. Ia berupa tindakan bila Orang Melayu memimpin nasib mereka, menegaskan jatidiri mereka, dan dalam proses itu, membentuk masa depan negeri mereka. Tanpa UMNO dalam tahun 1946, hampir-hampir pasti bahawa Malaysia yang ada hari ini, berdasarkan kepada ketuanan Melayu, tidak mungkin berlaku” (*It was with the formation of the United Malays National Organization (UMNO) in 1946 that Malay nationalism and identity merged. UMNO represents the political maturation of Malay nationalism. It was an act whereby the Malays took charge of their destiny, asserted their identity, and in the process shaped the future of the country. Without UMNO in 1946, it is almost certain that Malaysia of to-day, based on the supremacy of the Malays, would not have been possible. (Ozay: 106).*

Dengan tercapainya kemerdekaan Orang Melayu menjadi satu bangsa merdeka (*nation*) dan mengikut konsep Tunku Abdul Rahman bangsa itu berupa entiti politik dan budaya berdasarkan kepada konsep ketuanan asal itu (*the concept of original sovereignty*) (Boon Kheng: 5).

9. Perkara yang menyebabkan berlakunya pembentukan UMNO ialah ancaman dari pihak British untuk membentuk Malayan Union yang menghimpunkan semua negeri-negeri Melayu dalam Malayan Union, dengan negeri-negeri selat seperti Pulau Pinang dan Singapura menjadi satu sebagai kawasan jajahan British dengan menghilangkan kuasa sultan-sultan Melayu, simbol jatidiri tradisional Melayu dan penjaga agama Islam di bawah kekuasaan mereka. Di bawah cadangan Malayan Union semua orang-orang bukan Melayu akan diberi hak-hak yang sama dan orang Melayu akan menjadi golongan minoriti dalam negeri mereka sendiri (Ozay 1990: 106-107).

10. Dalam awal bulan March 1946 empat puluh enam pertubuhan Melayu berhimpun di Kuala Lumpur untuk membantah pertubuhan Malayan Union, dan pada 11 Mei 1946

secara rasminya UMNO ditubuhkan demi untuk memperjuangkan hak-hak Melayu dan menentang Malayan Union. Datok Onn bin Jaafar anak menteri besar Johor dilantik sebagai Presidennya; beliau berketurunan Turki. (Bab 1 hal. n28) (Ozay: n107).

11. Kata Ozay 'UMNO berupa parti sekular, dengan stail parti politik Attaturk yang nyata mengikut corak model kebangsaan golongan Kemalists yang berkuasa waktu itu (Za'ba, dinukil dalam Milner 1986:124). Ia berupa pembentukan sayap 'ultra-progressive' nasionalis Melayu, terkenal sebagai 'parti mengikut stail Turki' yang meminjam nasionalisme Ataturk, [tetapi] mengelak daripada sekularismenya.' (*UMNO was a secular, Attaturk-style political party, patterned explicitly on the nationalistic model of Kemalists then in power in Turkey (Za'ba quoted in Milner 1986: 124). It was the creation of the 'ultra-progressive' wing of Malay nationalists known as 'Turkish style party' which, while borrowing Kemalist nationalism, avoided its secularism*) (Ozay: 107). Dalam gerakan itu selain Dato' Onn ada Tunku Abdul Rahman yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Sejarawan tentang nasionalisme Melayu menunjukkan persetujuannya dengan Attaturk menulis memujinya 'kerana membebaskan bangsa Turki bukan sahaja daripada pengaruh asing tetapi juga daripada kerajaan yang bersifat feudal' (Milner 1986: 122).

12. Dalam tahun 1951 Dato Onn keluar dari UMNO kerana perbezaan pendapat tentang status kerakyatan yang hendak dibuka oleh beliau kepada semua rakyat Malaya untuk menjadikan UMNO sebagai parti semua bangsa. Tunku Abdul Rahman menjadi pemimpin UMNO mengambilalih peranan Dato' Onn. Tunku berjaya mengadakan hubungan baik antara UMNO dan MCA, dan terbukti sebagai kejayaan politik yang besar. MIC kemudiannya masuk sama ke dalam perikatan itu, iaitu UMNO-MCA-MIC yang kemudiannya melaksanakan gerakan hingga tercapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Asas perikatan yang menghimpunkan tiga parti itu ialah sikap bertolak ansur antara tiga parti itu: Orang Melayu bersedia untuk memberi kerakyatan kepada orang bukan Melayu dan orang bukan Melayu pula bersetuju menerima hak-hak istimewa bagi Orang Melayu dan golongan bumiputera negeri ini. Ini ada dalam artikel 153 dalam Perlembagaan yang memberi kuasa kepada yang DiPertuan Agung, Raja Pemerintah Malaysia untuk menjaga hak-hak istimewa orang Melayu dengan mengkhususkan kedudukan-kedudukan tertentu dalam perkhidmatan awam persekutuan, dengan memberi biasiswa khusus dan pemberian lesen di bawah undang-undang persekutuan bagi menjalankan perniagaan dan perdagangan. (Ozay: 108; Boon Kheng: 4.).

13. Semenjak merdeka, UMNO merupakan parti yang memerintah, kemudian dengan beberapa perubahan keadaan politik ia menjadi kongsi yang senior atau kanan dalam kerajaan campuran dalam parti terdiri daripada pelbagai bangsa; selepas Mei 1969 orang Melayu berada dalam keadaan pimpinan dan UMNO menunjukkan bukti hal ini, hinggalah kemudiannya berlaku krisis tentang perlembagaan yang membawa kepada hilangnya UMNO yang dahulu itu. Dengan berlakunya peristiwa Mei 1969 dengan konflik perkauman di Malaysia, dengan pihak bukan Melayu mendapat keuntungan politik mereka, maka timbul dasar Ekonomi Baru (NEP) yang membawa kepada tindakan tegas memihak kepada orang Melayu dalam polisi ekonomi yang bertujuan untuk

melaksanakan hak-hak istimewa orang Melayu. Ini dilaksanakan di bawah pimpinan Tun Razak yang mendapat kuasa dalam satu usaha mengambil kuasa secara senyap selepas insiden 13 Mei 1969. Dasar Ekonomi Baru itu digarap sebagai program dua puluh tahun untuk membandarkan Orang Melayu, menjadikan mereka berjaya dalam industri dan memajukan mereka dan menghapuskan keadaan-keadaan tidak saksama dan tidak seimbang dalam pendapatan dan peluang-peluang ekonomi dalam negara. (Ozay: 108). Tentang kejayaan Malaysia kemudiannya, seperti zaman Dr. Mahathir, walaupun majalah 'Newsweek' yang kerap mengkritiknya, mengakui bahawa "Di bawah pimpinan Mahathir Malaysia mencapai kemajuan daripada negara yang secara khusus berupa ekonomi pertanian menjadi satu ekonomi yang sangat banyaknya berdasarkan kepada teknologi dan pengetahuan. Ia menjadikan negaranya berkembang menjadi negara dengan suaranya dihormati dalam pentas antarabangsa ..." (Boon Kheng: 189).

Dan dalam hubungan dengan keharmonian antara kaum di negara ini boleh dicatitkan bahawa dalam usaha yang banyak kesulitannya kerajaan Malaysia berjaya mencapai keharmonian yang tidak banyak bangsa di dunia yang mencapainya. Boon Kheng menyatakan bahawa "Bagaimanapun, dengan perbezaan-perbezaan politik yang ada, tidak banyak negara yang boleh menandingi kestabilan taraf tinggi Malaysia dalam politik, keharmonian etnik dan kemajuan ekonomi" (*Still, despite these political differences, not many other countries can match Malaysia's high-level political stability, racial harmony and economic progress ...*) (ibid: 188).

14. Keadaan seterusnya tidak dibicarakan dalam nota ini, kerana tujuan kertas ini ialah untuk melihat nasionalisme Melayu di bawah UMNO tentang tuduhan terhadapnya bahawa ia parti sekular, yang mensekularkan Islam, sebagaimana yang dinyatakan antara lain dalam buku 'Nationalism and Globalization' yang diselenggarakan oleh Leo Suryadinata, terbitan Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, tahun 2000 dalam artikel tulisan hal. 152 dan seterusnya dalam buku itu.

15. Di bawah tajuk 'The Secularization of Islam' atau 'Gerakan Mensekularkan Islam' atau Sekularisasi Islam, penulis bab tentang 'Globalisasi dan Cabaran-Cabaran Terhadap Nasionalisme Melayu' (*Globalization and the Challenges to Malay Nationalism* by Halim Salleh) membuat kenyataan demikian:

*"A major challenge to [Malay] nationalism has also arisen from concerted UMNO efforts to secularize Islam. Traditionally, UMNO has considered Islam as a theological issue quite separate from other areas of life, particularly politics, following the separation of religion from state in European practice. And following Western notion of Islam as being conservative and an antimony to (capitalist) economic development, UMNO and the government have also tried to enlist Islam as an instrument of development, and prevent any inclination to reassert Islamic conservatism. Towards this end, it has suppressed the revival of what it considers regressive fundamentalist Islam by banning so-called fundamentalist Islamic organizations and arresting the leaders in the 1980s and 1990s. While PAS had supported the move in cases that it considers as preaching deviant Muslim*

*teachings, this has opened up an old and basic UMNO-PAS debate on the role of Islam in development.'*

Terjemahannya:

'Satu cabaran besar terhadap nasionalisme [Melayu] telah timbul dari usaha yang disepakati dari pihak UMNO untuk mensekularkan Islam (*concerted UMNO efforts to secularize Islam*). Secara tradisionalnya UMNO telah menganggap Islam sebagai isu akidah (teologikal) yang agak terpisah daripada bahagian-bahagian lain kehidupan, khususnya politik, mengikut amalan memisahkan agama dari negara dalam amalan orang Eropah, berdasarkan pemisahan agama dari negara dalam amalan Eropah. Dan dengan mengikut pandangan Barat tentang Islam sebagai agama konservatif dan bertentangan dengan pembangunan ekonomi (kapitalis) UMNO dan kerajaan juga berusaha untuk mengambil Islam (*tried to enlist Islam*) sebagai satu alat (*instrument*) untuk pembangunan. Dalam menuju kepada matlamat ini, ia menekan usaha menghidupkan semula (*revival*) apa yang difikirkannya sebagai Islam yang mundur ke belakang dan yang bersifat fundamentalis dengan mengharamkan apa yang dipanggil sebagai organisasi-organisasi Islam yang fundamentalis dan menangkap pemimpin-pemimpin mereka dalam tahun-tahun 80an dan 90an. Manakala PAS menyokong usaha itu dalam kes-kes yang dianggap ajaran Islam yang menyeleweng (*deviant Muslim teachings*), ini membuka pula satu perdebatan lama dan asasi antara UMNO dan PAS tentang peranan Islam dalam pembangunan.'

16. Seterusnya terdapat kenyataan yang berikutnya:

*"Following its secular ideology, UMNO sees Islam, particularly Islamic economic practices as requiring modifications before it can be inserted into mainstream (capitalist) economic development. To do this, it developed modern Islamic institutions, launched research institute to foster greater Islamic religious understanding (Institute for Islamic Understanding or IKIM) and increased coverage in the media. It expects to transform Islam as an instrument which can integrate Malays into a modern capitalist economy. On the other hand PAS considers Islam as the ideological foundation to develop a total new way of life (civilization) and an alternative to capitalism itself. While UMNO has become eclectic and pragmatic and pursues the idea of establishing a modern nation along the model of developed countries to-day. PAS seeks the establishment of an Islamic state on the Qur'an, Hadith, and Sunnah. Bringing the debate into the political arena, therefore, PAS has accused UMNO of dragging the community into infidelity (kafir) whereas the latter has ridiculed PAS as being backward and incapable of running a modern government.*

Terjemahannya:

"Dengan mengikut dasar ideologinya yang sekular, UMNO melihat Islam, khususnya amalan-amalan ekonomi Islam sebagai [amalan-amalan] yang memerlukan pengubahsuaian (*modifications*) sebelum ia boleh dimasukkan ke dalam pembangunan

ekonomi (kapitalis) arusperdana. Untuk melaksanakan yang demikian ini ia (UMNO) mengadakan institusi-institusi Islam moden, melancarkan Institut Kefahaman Islam (IKIM), dan menambahkan liputan [tentang Islam dan pembangunan] dalam media. Ia berharap untuk mengubah Islam menjadi instrumen yang boleh mengintegrasikan Orang Melayu ke dalam ekonomi kapitalis moden. Sebaliknya PAS menganggap Islam sebagai dasar ideologi untuk membentuk satu cara hidup yang baru secara menyeluruh (tamadun (civilization)) dan alternatif bagi kapitalisme itu sendiri. Manakala UMNO pula ia menjadi 'eclectic' (ertinya mencampurkan unsur-unsur yang tidak boleh dicampurkan kerana lain sifat-sifatnya) dan pragmatik dan berusaha untuk mewujudkan bangsa moden selari dengan model negara-negara maju di hari ini serta PAS pula berusaha untuk mewujudkan negara Islam (*Islamic state*) (berdasarkan Quran, Hadith dan Sunnah, dengan membawa debat itu ke dalam arena politik, PAS menuduh UMNO mengheret masyarakat [Islam] ke dalam kekufuran (kafir), dan UMNO pula menuduhnya sebagai mundur dan tidak berkemampuan untuk mentadbirkan perjalanan kerajaan moden.

17. Seterusnya:

*This fight along secular and religious views of development stretches back to the early days of PAS-UMNO political contest during the first general elections in the 1950s and has continued to divide the Malays ever since. But because UMNO has the ultimate use of state power, it has successfully prevented the ideology of development propagated by PAS from taking root ... (muka 152- 153)*

18. Kalau ditelitikan beberapa fakta berkenaan dengan perjuangan UMNO dan perlembagaannya, serta juga dokumen-dokumen lain, termasuk tulisan-tulisan yang mempunyai kewenangan tentang sekularisme dan sekularisasi (*secularization*), tidak akan timbul kenyataan-kenyataan tentang 'perjuangan UMNO adalah bersifat sekular' (yakni datang dari dasar sekularisme atau berdasarkan sekularisme, atau berpunca dari sekularisme), dan apa yang dilakukannya dalam program-programnya adalah mensekularkan Islam, (*secularization of Islam*) dalam erti yang sebenarnya. Ini akan dijelaskan berikutnya, insya' Allah.

19. Pertama, adakah ideologi UMNO ideologi sekular (berpunca daripada sekularisme, berasal dari sekularisme, atau diinspirasi oleh sekularisme, atau didasarkan kepadanya)?

Kedua, apa itu perjuangan UMNO? Sebagai sebuah parti politik UMNO ada dokumen dasar perjuangannya, sebagaimana juga dengan PAS, bahkan ia mendahului PAS menyatu padukan orang Melayu sehingga tertolaklah Malayan Union dan tercapainya kemerdekaan, juga terbangunnya Malaysia, dan terangkat darjat Orang Islam Melayu dan lainnya di negara ini sehingga ia dipuji oleh tokoh-tokoh antarabangsa dalam negara OIC. Maka beradab sekali disebut niamat ini sebab kita disuruh menyebut niamat Tuhan, walaupun sedikit, apa lagi kalau ia banyak. Bahkan sebenarnya kalau kita menyebutnya kita tidak mampu membilanganya sebagaimana yang disebut dalam Quran.

20. Perlembagaan UMNO menyebutkan:

Erti lambang UMNO itu ialah ‘Pertubuhan’ ‘Kebangsaan’ ‘Melayu’ ‘Bersatu’ ertinya pertubuhan peringkat kebangsaan, BUKAN pertubuhan mendaulatkan nasionalisme ala barat sekular (*‘national level Malay organization’* BUKAN *organization promoting nationalism in the Western sense*) (hal. iii).

#### Muka v huraian:

- ‘Merah’-‘Berani’
- ‘Putih’-‘Bersih’ (Penulis ini beranggapan agaknya rohani dan jasmani sebab konsep insan Melayu mengikut Ahli Sunnah wal-jamaah)
- ‘Kuning’- kebesaran raja-raja (diambil dari contoh sejarah Islam khalifah, ulil-amri, sekarang Agung dengan raja-raja Melayu sebagaimana yang diulas oleh Yang teramat mulia Tuanku Raja Nazrin baru-baru ini.)
- ‘Hijau’ –‘agama [Islam, sebagai agama persekutuan, dalam perlembagaan]
- ‘Keris’- Pusaka Melayu (melambangkan tradisi ketuanan Melayu sebab hidup bersendikan adat, adat bersendikan syara’, dan syara’ bersendikan kitabullah sebagaimana yang ada dalam kata-kata Melayu tradisional yang mensebatikan antara wahyu, pengalaman manusia yang sah, syara’, sejarah dan tradisi dalam satu kesatuan).

#### Muka 1 fasal 3:

##### Asas dan tujuan:

- 3.1 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara
- 3.2 Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara. Perlembagaan negeri-negeri dan raja berperlembagaan.
- 3.3 Menegak, mempertahankan, dan mengembangkan Islam, agama Rasmi Negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama.
- 3.4 Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khususnya rakyat Malaysia dan rakyat Malaysia lainnya dan seterusnya.

21. Tidak ada bayangan dari kenyataan-kenyataan di atas bahawa UMNO akan menjalankan sistem sekular dalam erti Barat atau menjalankan sekularisme sebagaimana yang biasa dinyatakan dalam setengah-setengah tulisan; tuduhan mengamalkan sistem sekular atau sekularisme itu adalah tuduhan yang timbul kerana sikap tidak cermat dalam mengamati isu-isu dan fahaman-fahaman yang dibicarakan. Kalau yang dimaksudkan itu ada perbuatan-perbuatan yang tidak selaras dengan Syara’ atau yang berlawanan dengannya maka itu perbuatan yang bercanggah dengan Syara’ atau yang berlawanan dengannya, bukannya falsafah atau fahaman sekular.

22. Fahaman sekular atau sekularisme itu sebagaimana yang boleh didapati dari teks asalnya oleh Holyoake misalnya, adalah seperti berikut, dengan teks Inggerisnya, disusuli dengan terjemahannya.

The Principles Of Secularism By George Jacob Holyoake [third edition, revised.] London: Book Store, 282, Strand; Austin. & Co., 17, Johnson's court, Fleet Street. 1871. (boleh dibaca secara online di [www.gutenberg.org](http://www.gutenberg.org))

Di bawah bab III:

### **Principles Of Secularism Defined**

#### *Principle I*

*SECULARISM is the study of promoting human welfare by material means; measuring human welfare by the utilitarian rule, and making the service of others a duty of life. Secularism relates to the present existence of man, and to action, the issues of which can be tested by the experience of this life—having for its objects the development of the physical, moral, and intellectual nature of man to the highest perceivable point, as the immediate duty of society: inculcating the practical sufficiency of natural morality apart from Atheism, Theism, or Christianity: engaging its adherents in the promotion of human improvement by material means, and making these agreements the ground of common unity for all who would regulate life by reason and ennoble it by service. The Secular is sacred in its influence on life, for by purity of material conditions the loftiest natures are best sustained, and the lower the most surely elevated. Secularism is a series of principles intended for the guidance of those who find Theology indefinite, or inadequate, or deem it unreliable. It replaces theology, which mainly regards life as a sinful necessity, as a scene of tribulation through which we pass to a better world. Secularism rejoices in this life, and regards it as the sphere of those duties which educate men to fitness for any future and better life, should such transpire.*

Terjemahannya:

“Sekularisme ialah pengkajian tentang menjayakan kemaslihatan manusia melalui jalan-jalan kebendaan; mengukur kemaslihatan manusia dengan aturan utilitarian (yakni dengan melihat kepada kesan zahir yang boleh dilihat dengan pancaindera manusia dengan tidak mengira ajaran agama, akhlak, akhirat, Tuhan, nabi dan seterusnya), dan menjadikan khidmat kepada orang lain tanggungjawab dalam hidup. Sekularisme berhubung dengan hidup manusia masakini sahaja (dunia sahaja), dan amalan, yang isunya boleh diuji (baik atau tidak) dengan pengalaman hidup [dunia] ini [sahaja] – dengan matlamat-matlamatnya untuk memajukan atau membangunkan (*the development*) segi kebendaan, moral, dan intelektual keadaan diri manusia (*nature of man*), sampai ke tahap titik tertinggi sekali, sebagai tugas masyarakat yang segera [perlu ditunaikan]; dengan mengajarkan bahawa memadalah moral manusia itu dibentuk [tentang baik buruknya] dengan mengambil kira pengajaran dari alam semula jadi [semata-mata] terpisah/atau tidak mengambil kira langsung Ateisme (tak percaya kepada tuhan), Teisme (percaya kepada Tuhan) atau Kristianiti (ertinya soal baik buruk diambil

pengajaran dari alam semula jadi cukuplah, dengan mengeneipkan Tuhan, agama, akhirat, wahyu, ajaran mana-mana nabi dan yang sepertinya), menjadikan pengikut-pengikutnya (yakni pengikut sekularisme ini) berusaha mempromosikan perbaikan hidup umat manusia, dengan jalan kebendaan [semata-mata], dan menjadikan ini semua perkara-perkara yang disetujui bersama sebagai asas perpaduan bagi semua orang yang bersetuju untuk menyusun dan menjalankan kehidupan mengikut akal fikiran dan menjadikannya mulia dengan berkhidmat [kepada masyarakat]. Perkara yang sekular/atau apa-apa yang suci (*sacral*) atau apa yang sekular itu suci dalam pengaruhnya atas hidup [manusia], kerana melalui kemurnian yang ada dalam keadaan-keadaan kebendaan [hidup manusia semua] maka tabiat-tabiati kejadian yang sehabis tinggi itu diteruskan lagi dengan cara yang sehabis baik sekali, dan bahagian-bahagian yang rendah itu [yang tidak baik itu] ditingkatkan. Sekularisme adalah satu susunan siri dasar-dasar yang dimaksudkan untuk memberi bimbingan kepada mereka yang mendapati Akidah (*Theology*) tidak menentu (*indefinite*), atau tidak memadai, atau menganggapnya tidak boleh dipercayai. Ia menjadi ganti bagi teologi (atau akidah), yang sebahagian yang banyak daripadanya menganggap hidup dunia sebagai keadaan yang penuh dengan dosa tetapi mustahak [manusia mesti melaluinya], hidup ini dianggap sebagai senario tempat cubaan dan ujian, dan melalui ujian itu kita mendidik manusia supaya menjadi layak untuk kehidupan akan datang yang lebih baik [daripada dunia ini], kalaulah ada kehidupan [akan datang] seperti itu.

#### *Principle II*

*A Secularist guides himself by maxims of Positivism, seeking to discern what is in Nature -what ought to be in morals- selecting the affirmative in exposition, concerning himself with the real, the right, and the constructive. Positive principles are principles which are provable. "A positive precept," says Bishop Butler, "is a precept the reason of which we see." Positivism is policy of material progress.*

Terjemahannya:

#### Prinsip III

“Seseorang yang berpegang kepada ajaran sekular atau sekularisme (*secularist*) memandu dirinya dengan dasar-dasar Positivisme, dengan mencari dalam alam semula jadi –apa yang patut ada dari segi moralnya- mencari apa yang bersifat menegaskan (*the affirmative*) dalam penerangan, menjadikan dirinya sibuk dengan perkara yang sungguh-sungguh (*the real*), yang benar (*the right*) dan perkara yang konstruktif (membina). Dasar-dasar positif, kata Bishop Butler adalah ‘dasar-dasar yang boleh dibuktikan dengan dalil [yang boleh dipandang dengan mata atau dilihat dikesan dengan pancaindera]. ‘Ajaran yang positif’ kata Bishop Butler ‘adalah ajaran mengikut akal fikiran (*a precept of reason*) yang sebab baginya boleh dilihat oleh kita’. Positivisme adalah polisi untuk kemajuan dalam bidang kebendaan (*material progress*).

#### *Principle III*

Science is the available Providence of life. The problem to be solved by a science of Society, is to find that situation in which it shall be impossible for a man to be deprived or poor. Mankind are saved by being served. Spiritual sympathy is a lesser mercy than that forethought which anticipates and extirpates the causes of suffering. Deliverance from sorrow or injustice is before consolation—doing well is higher than meaning well-work is worship to those who accept Theism, and duty to those who do not.

Terjemahannya:

### Prinsip III

Sains adalah prinsip menyelamatkan kehidupan (Providence of life) yang ada pada kita. Masalah yang diselesaikan [dalam hidup] oleh sains tentang Masyarakat ialah dengan mencari keadaan yang sedemikian sehingga mustahil manusia boleh menjadi susah atau miskin. Umat manusia diselamatkan dengan khidmat diberi kepadanya. Simpati secara rohani berupa rahmat yang lebih rendah lagi berbanding dengan berfikiran jauh yang boleh memahami terlebih dahulu sebab-sebab manusia menderita [sebelum daripada ia berlaku], dan menghancurkannya. Menyelamatkan manusia daripada dukacita atau ketidakadilan mendahului nasihat supaya ia tidak berdukacita, melakukan sesuatu dengan cara yang baik sekali adalah lebih tinggi fadhilatnya daripada hanya berniat baik, melakukan kerja itu berupa ibadat bagi orang yang menerima percaya kepada Tuhan. Ia tugas bagi orang yang tidak percaya kepada Tuhan.

23. Dan seterusnya; kemudan di bawah tajuk “*Standard of Appeal*” atau ‘Ukuran atau Neraca Tempat Rujukan’ terdapat kenyataan lagi tentang prinsip sekularisme atau prinsip ajaran sekular seperti berikut:

*"Secularism accepts no authority but that of Nature, adopts no methods but those of science and philosophy, and respects in practice no rule but that of the conscience, illustrated by the common sense of mankind. It values the lessons of the past, and looks to tradition as presenting a storehouse of raw materials to thought, and in many cases results of high wisdom for our reverence; but it utterly disowns tradition as a ground of belief, whether miracles and supernaturalism be claimed or not claimed on its side. No sacred scripture or ancient church can be made a basis of belief, for the obvious reason that their claims always need to be proved, and cannot without absurdity be assumed. The association leaves to its individual members to yield whatever respect their own good sense judges to be due to the opinions of great men, living or dead, spoken or written, as also to the practice of ancient communities, national or ecclesiastical. But it disowns all appeal to such authorities as final tests of truth." "Programme of Freethought Societies," by F. W. Newman. (Reasoner, No. 388.)*

Terjemahannya:

“Sekularisme tidak menerima otoriti melainkan otoriti alam tabie, tidak mengambil dan menerima apa-apa kaedah ilmu melainkan kaedah ilmu sains dan falsafah, tidak menghormati, pada amalannya, mana-mana peraturan melainkan suara hati sendiri (conscience) yang digambarkan oleh komonsens atau akalbudi umat manusia. Ia

menghargai pengajaran-pengajaran dari zaman yang telah lalu, dan melihat kepada adat kebiasaan turun temurun sebagai khazanah bahan-bahan mentah, dan dalam banyak hal, menunjukkan hasil hikmah kebijaksanaan yang tinggi yang kita muliakan, tetapi [dalam sekularisme] itu ditolak untuk menjadi asas kepercayaan pegangan, sama ada perkara-perkara mukjizat dan perkara-perkara yang mengatasi alam zahir yang dilihat dengan mata (*supernaturalism*) yang didakwa oleh orang atau tidak didakwa bagi pihaknya. Tidak ada kitab suci atau geraja dari zaman purbakala yang boleh dijadikan asas untuk kepercayaan pegangan, kerana sebab yang terang, kerana dakwaan-dakwaannya selalunya perlu kepada pembuktian, dan tidak boleh dianggap betul begitu sahaja tanpa bukti, kalau demikian itu tidak munasabah sekali. Persatuan ini [yang mempromosikan sekularisme dan kaedahnya dalam fahaman dan ilmu] memberi kebebasan kepada ahli-ahlinya untuk memberikan penghormatan yang mereka mahu mengikut keputusan fikiran mereka sendiri kepada pendapat-pendapat tokoh-tokoh besar, yang hidup atau mati, yang dicakapkan atau ditulis, begitu juga [sikapnya] tentang amalan perbuatan masyarakat-masyarakat purbakala, dari sejarah kebangsaan atau sejarah gereja. Tetapi [sekularisme] menolak semua rujukan kepada otoriti-otoriti sedemikian sebagai ujian yang terakhir untuk semua perkara yang benar.”

24. Tentang bidang pertikaian atau Sphere of Controversy’ [dalam Sekularisme] katanya:

### *III. Sphere of Controversy.*

*“Since the principles of Secularism rest on grounds apart from Theism, Atheism, or Christianity, it is not logically necessary for Secularists to debate the truth of these subjects. In controversy, Secularism concerns itself with the assertion and maintenance of its own affirmative propositions, combating only views of Theology and Christianity so far as they interfere with, discourage, or disparage Secular action, which may be done without digressing into the discussion of the truth of Theism or divine origin of the Bible.*

Terjemahan:

“Oleh kerana dasar-dasar sekularisme terletak pada asas-asas yang terpisah daripada kepercayaan kepada Tuhan (Theism), Ateism, atau Ajaran kristian [atau mana-mana agama], maka secara logiknya tidak perlulah bagi orang yang berpegang kepada sekularisme (*secularists*) untuk berdebat tentang kebenaran subjek ini. Dalam perdebatan Sekularisme tertumpu kepada kenyataan yang dibuat dan menegakkan kedudukan kenyataannya itu secara afirmatif, dengan menentang hanya pandangan dari Theology, dan agama Kristian, sejauh mana itu mengganggu, atau tidak memberi berangsang atau mencela amalan sekular (*Secular action*) yang boleh dilakukan tanpa melencong ke dalam perbincangan-perbincangan tentang benar tidaknya Kepercayaan kepada Tuhan [atau mana-mana agama, termasuk Islam kalau dibincangkan dalam konteks umat Islam] atau asal usul Bible itu datang dari Tuhan.”

25. Kalau kita merujuk kepada istilah ‘*secularism*’ dalam *Catholic Encyclopedia* edisi kedua jilid 12 hal. 363-bersekali dengan ‘*secularization*’ hingga hal. 874, elemen-elemen dalam takrif yang ada dalam tulisan Holyoake ada dalam essei dalam *Encyclopedia* ini. Demikian juga kalau kita melihat takrifnya dalam *Oxford Dictionary of the English Language*, jilid ix, 1970, hlm. 365-367 dan lainnya. Jelaslah dengan merujuk kepada huraian-huraian dalam definisi istilah ini maka tidak boleh seseorang yang mempunyai kalbu yang sejahtera membuat tuduhan bahawa UMNO melaksanakan fahaman sekularisme, fahaman sekular, atau melaksanakan sekularisasi. Ini kerana sekularisme, dan sekularisasi, kalau difahami dalam rangka epistemologi Ahli Sunnah ia membawa kepada kekufuran yang jelas nyata dan ‘murni’. Maha suci Allah bagaimana ada Orang Islam yang boleh membuat tuduhan atas negerinya dan ulil amrinya sendiri serta umatnya sebagai pihak yang terlibat dalam jenayah yang tidak ada tolak bandingnya ini walhal istilah itu tidak dicamkannya dengan cermat dan bertanggungjawab. Kita hanya mengurut dada dan berdoa untuk kebaikan dan mengharapkan umat kembali ke jalan kebenaran. *Amin*.

26. Tentang istilah *secularization* dari *Catholic Encyclopedia*. Dalam ‘*The New Catholic Encyclopedia*’ edisi ke 2, diterbitkan untuk Percetakan Universiti Katholik Amerika. Washington, 2003, terdapat penerangan berkenaan dengan ‘*secularism*’ (hal. 863-866), ‘*secularization*’ atau sekularisasi. (hal. 867-874). Antara kenyataan-kenyataan yang boleh membantu kita memahami istilah ini ialah yang berikut: “Ia adalah proses kemasyarakatan dan budaya yang dengannya maka kepercayaan-kepercayaan, amalan-amalan serta institusi-institusi bukan agama mengambil tempat menggantikan mana-mana dari kalangan itu semua yang bersifat keagamaan dalam ruang-ruang kehidupan yang tertentu. Dengan demikian ia berupa satu aspek ke arah penglainan (*differentiation*) struktural dalam sesuatu masyarakat, tren yang kelihatan manifestasinya dalam lahirnya institusi-institusi yang spesifik untuk menyelesaikan masalah-masalah fungsi tentang penjagapulihan, penerusan. Dalam proses sekularisasi hilangnya fungsi-fungsi sekular pada kumpulan-kumpulan keagamaan (seperti kumpulan paderi) berlaku selari dengan hilangnya fungsi-fungsi keagamaan yang ada pada institusi-institusi sekular.” Itu sekularisasi secara amnya.

27. Kalau hendak dipasangkan erti-erti seperti itu kepada masyarakat kita penulis ini merasakan bahawa institusi-institusi bukan agama dan seterusnya yang mengambil alih apa yang bersifat agama tidak ada yang berlaku pada kita; masjid-masjid masih berjalan dengan fungsinya tanpa perubahan, bahkan ada penambahan; institusi-institusi bukan agama bukan hilang fungsi keagamaannya bahkan ia bertambah, katakanlah sekolah-sekolah yang bukan sekolah agama dimasukkan ke dalamnya pelajaran-pelajaran agama, amalan-amalan sembahyang berjemaah dulunya tidak ada dalam sekolah-sekolah sekarang ada; dalam angkatan tentera dan polis dimasukkan pelajaran agama; demikian seterusnya universiti Islam dan bank Islam diadakan; tentang ada orang-orang yang malas melakukan tugasnya itu perkara yang berlainan pula.

28. Tentang istilah “*secularization*” lagi dalam *Catholic Encyclopedia* tersebut dinyatakan sekularisasi berhubung dengan harta wakaf gereja. Kenyataannya ialah

“Istilah sekularisasi merujuk kepada usaha merampas harta institusi-institusi gereja oleh pihak yang bukan gereja atau negara. Istilah itu nampak dengan nyatanya mula digunakan dalam erti ini dalam rundingan-rundingan Keamanan Westphalia (1648), walaupun perampasan yang sedemikian merupakan sebahagian besar dari sejarah pengambilan harta Gereja semenjak awal zaman tengah.” Ertinya sekularisasi itu berkaitan dengan usaha merampas harta Gereja. Kalau dipasang pengertian ini pada kita kita boleh katakan tidak ada berlaku perampasan harta masjid oleh pihak yang bukan agama; tidak ada sejarah sedemikian; ini kerana harta masjid ialah harta wakaf liLlah, tidak menjadi milik pihak lain lagi; amalan kederhakaan individu-individu tidak diambil kira dalam hal ini untuk membenarkan kita mengatakan ada berlaku sekularisasi yang seperti itu. Dalam halaman-halaman berikutnya tajuk sekularisasi itu ialah berkenaan dengan perbuatan pihak-pihak lain merampas harta gereja hingga ke abad ini, walaupun keadaan agak aman berbanding dengan keadaan dahulunya. Ertinya sekularisasi dalam erti demikian tidak berlaku; oleh itu tidak wajar, bahkan mengelirukan, bahkan pengkhianatan sejarah, kalau dikatakan berlaku proses sekularisasi itu mengikut semantik asalnya dalam budaya dan tamadun Barat. Kalau demikian tidak ada alasan untuk sesiapa boleh menuduh bahawa di Malaysia ada berlaku proses sekularisasi ini.

29. Kalau difahami takrif sekularisme dan dasar-dasarnya seperti di atas, kemudian dibandingkan erti-erti semua itu dengan perlembagaan UMNO atau mana-mana teks UMNO akal sejahtera akan menyatakan bahawa UMNO tidak boleh dikaitkan dengan cara dan fahaman yang seperti itu. Tetapi tuduhan-tuduhan terus dibuat (seperti tuduhan sekularisasi Islam atau UMNO mengajarkan ajaran sekular dan yang sepertinya, atau kebangsaan UMNO menjadi kebangsaan sekular (*secular nationalism*)) walaupun oleh pengarang-pengarang yang kita harapkan perkara-perkara yang lebih baik datang dari pena mereka; kita menyebut ini atas dasar kebenaran dan integriti ilmu dan rahmah kepada umat Islam yang menjadi mangsa tuduhan seperti itu, *Allahuma'ghfir lana wal-muslimin- murka llahi* dengan akibat-akibatnya, kalau kita memahaminya. Nasionalisme Melayu bukannya '*secular nationalism*' dalam erti Barat, sebab itu terkenal dalam gerakan itu kata-kata '**demi alif-ba-ta**' yakni **demi agama, bangsa dan tanah air** dan ini kelihatan dalam gerakan nasionalisme UMNO.

30. Pendirian menyamakan Malaysia dengan Turki dengan falsafah Negara Kemalismenya juga tidak berdasarkan fakta. Ini kerana di Malaysia tidak terdapat falsafah Negara seperti Kemalisme dengan populismenya, republikanismenya, reformismenya, sekularismenya, nasionalismenya, serta statismenya yang persis takrifnya salin tidak tumpah seperti yang ada dalam falsafah politik Barat (lihat lampiran di akhir kertas ini); bandingkan ini dengan Malaysia dengan Islam sebagai 'agama Persekutuan'nya, Rukun Negeranya, falsafah pendidikan negaranya, dan dasar kebudayaan kebangsaannya, dengan pegangan Ahli Sunnahnya; demikian seterusnya. Perbuatan setengah pihak menyamakan Malaysia dengan Turki ini adalah kesilapan dan pengkhianatan ilmiah yang sangat berat.

31. Satu lagi ialah persoalan nasionalisme UMNO dicapkan oleh setengah pihak sebagai '*asabiyyah* yang dilarang oleh nabi salla'Llahu alaihi wa sallam dalam hadith yang

selalu disebut-sebut (ليس منا من دعا الى عصبية): Tidak termasuk di kalangan kami orang yang menyeru kepada faham kebangsaan ('asabiyyah). Untuk melihat permasalahan ini elok diberikan perhatian kepada beberapa perkara seperti di bawah ini.

Pertamanya hadith tentang asabiyyah itu. Hadith itu ialah: bermaksud:

حديث (يا رسول الله ما العصبية؟ قال أن تعين قومك على الظلم)

Hadith: Wahai Rasulullah apa itu 'asabiyyah? Jawab baginda: [Asabiyyah yang dilarang itu] ialah engkau menolong kaum engkau dalam melakukan kezaliman [kepada orang lain atau kepada kaum lain]. Dalam syarah Sunan Abi Daud dinyatakan bahawa hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud, Nasa'i, dan ibn Majah.

Pengarang Sharah Abu Daud menyatakan tentang 'menolong kaum engkau melakukan kezaliman' ertinya seseorang itu taksud dengan kaumnya walhal mereka itu zalim, maka jadilah ia membantu mereka [dalam kezaliman], termasuk juga orang yang membantu kaumnya atas perkara yang bukan hak. Prinsip asalnya ialah orang yang terkena zalim itu hendak diberi pertolongan dan bantuan, orang yang melakukan kezaliman itu hendak disekat daripada melakukan kezaliman. (dipetik melalui islamweb.net). Hadith yang bermaksud 'Tidak termasuk di kalangan kami orang yang menyeru kepada asabiyyah' itu diulas agak panjang oleh al-Munawi dalam *al-Faid al-Qadir* (jilid 5 hal. 492). maksudnya tidak terlepas daripada apa yang diterangkan itu.

32. Huraian yang panjang yang memberi penerangan yang nyata tentang aspek positif asabiyyah ini boleh didapati dalam penerangan Mulla 'Ali al-Qari berkenaan dengan hadith itu dalam "*Mirqat al-Fawatih syarah Mishkat al-Masabih*" (14: 184-185 dipetik melalui al-meshkat.net). Beliau menyatakakan riwayat dari Wathilah bin al-Asqa' rd katanya: Dari Wathilah bin Al-Asqa' rd katanya: Aku berkata: Wahai Rasulullah apakah itu 'asabiyyah, yakni asabiyyah Jahiliyyah? Sabda baginda: bahawa anda menolong kaum anda/sanak saudara anda atas perkara yang zalim, yakni wajib atas anda mengikut yang hak tanpa melihat kepada mulahazah al-hak; kerana itu maka kata Ali mengikut apa yang diriwayatkan oleh Darimi dan ibn 'Asakir dari Jabir, marfu', 'hendaklah anda menolong saudara anda baik ia zalim atau terkena zalim, kalau ia zalim maka tolak ia dari perbuatan zalimnya, kalau ia terkena zalim maka tolonglah ia [untuk menyelesaikan kezaliman atas dirinya itu]; ... diriwayatkan oleh Abu Daud dan demikian [oleh] ibn Majah dari Suraqah bin Malik

(قال خطبنا رسول الله فقال خيركم المدافع عن العشيرة أي أقاربه المعاشر معهم ما لم يأتهم أي ما لم يظلم على المدفوع فإنه حينئذ يكون جامعا بين نصرة المظلوم ووصلة الأقارب ثم اعلم أنه لو قدر على دفع الظالم عن قومه بكلام لم يجز له الضرب ولو قدر بالضرب لم يجز له القتل لأنه من باب الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر فيجب مراعاة الترتيب قال تعالى ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة وجادلهم بالتتي هي أحسن النحل إلى قوله وإن عاقبتم فعاقبوا بمثل ما عوقبتم به النحل الآية رواه

أبو داود وعن جبير بن مطعم رضي الله عنه من ذكره أن رسول الله قال ليس منا أي من أهل ملتنا أو من أصحاب طريقتنا من دعا أي الناس إلى عصبية أي إلى اجتماع عصبية في معاونة ظالم )

... Baginda Rasulullah berkhotbah kepada kami sabda Baginda ‘Orang yang baik sekali di kalangan kamu ialah orang yang mempertahankan keluarga-yakni keluarga yang dekat yang ia hidup bersama dengan mereka selama mana ia tidak melakukan perbuatan zalim atas pihak yang ditolak kezalimannya itu [daripada keluarganya]; maka dengan itu ia menghimpunkan [dua perbuatan baik] antara menolong pihak yang terkena zalim dan menghubungkan hubungan kekerabatan. Kemudian ketahuilah bahawa kalau ia berupaya untuk menolak pihak yang melakukan kezaliman itu daripada kaumnya dengan percakapan [atau perkataan, kalau sekarang mungkin dengan tulisan, atau emel] maka tidak harus ia memukul [orang yang melakukan kezaliman itu], kalau ia mampu memukul tidak harus membunuh, kerana [perbuatan ini] termasuk daripada bab amar ma’ruf dan nahi munkar; maka wajib ia menjaga tertib [dalam perbuatan ini] (diikuti dengan ayat 125 surah al-Nakhl berkenaan dengan hikmah dalam seruan manusia kepada jalan agama, kemudian dengan nasihat yang baik, kemudian dengan perbincangan yang cantik, sampai kepada ayat yang bermaksud ‘kalau mereka melakukan perbuatan buruk, maka balaslah seperti apa yang dilakukan atas kamu itu); kemudian Abu Daud meriwayatkan hadith dari Jubair bin Mut’aim yang bermaksud: bahawa Rasulullah salla’Llahu alaihi wa sallam bersabda: (maksudnya): Tidak termasuk dalam kalangan kami, yakni perjalanan agama kami atau sahabat yang mengikut perjalanan kami, orang yang menyeru manusia kepada asabiyyah yakni kepada berhimpun dalam asabiyyah dalam menolong orang yang melakukan perbuatan zalim dan seterusnya ...

عن عبادة بن كثير الشامي ... عن امرأة منهم أي من أهل فلسطين يقال لها فسيلة بفتح فاء فكسر سين مهملة وفي نسخة بالتصغير ولم يذكرها المؤلف في التابعيات أنها قالت سمعت أبي ليس له ذكر في أسماء المؤلف يقول أي أبو فسيلة سألت رسول الله فقلت يا رسول الله أمن العصبية أن يحب الرجل قومه أي حبا بليغا قال لا ولكن من العصبية أن ينصر الرجل قومه على الظلم أي على ظلمهم أو مع ظلمهم أو على وجه الظلم رواه أحمد وابن ماجه ...

Ada riwayat dari ‘Ubadah bin Kathir al-Shami tentang Abu Fasilah bertanya kepada Nabi salla’Llahu alaihi wa sallam: Wahai Rasulullah adakah termasuk ke dalam asabiyyah [yang tuan hamba larang itu] sifat seseorang lelaki itu sayang amat sangat kepada kaumnya, sabda Baginda: Tidak; tetapi asabiyyah [yang aku larang itu] ialah seseorang itu menolong kaumnya atas kezaliman, atau atas kezaliman mereka, atau secara kezaliman ٍ أن يحب الرجل قومه حبا بليغا قال لا ولكن من العصبية أن ينصر الرجل قومه على الظلم أي على ظلمهم أو مع ظلمهم أو على وجه الظلم Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibn Majah

33. Tambahan lagi kita boleh sebut lagi sokongan Sa’id Nursi terhadap konsep asabiyyah yang positif ini. Ia terkandung dalam huraian-huraianya tentang hal ini.

34. Di kalangan Orang Melayu soal identiti antara bangsa dan agama merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan; dan ini faktor kekuatan yang sangat besar nilainya. Ini membawa kita kepada renungan tentang kedudukan masyarakat Timur seperti Melayu-Islam dengan masyarakat barat. Pada Melayu asas identitinya berada pada agamanya. Dengan itu kebangsaannya tidak berpisah dengan agamanya. Ini nyata daripada pengarang-pengarang yang menulis dalam memperjuangkan kemerdekaan, yang mereka sebutkan **demi alif, ba, ta**, yakni **demi agama, bangsa dan tanah air**. Tok Kenali di Kelantan pun menggunakan kata-kata itu dalam menulis dalam majalah *Pengasuh* yang hingga sekarang masih diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam Kelantan.

35. Berkenaan dengan pentingnya identiti yang tidak terpisah antara kebangsaan dan agama, Sa'id Nursi menyatakan

*The unity between religion and nationality necessitates the Islamic identity having the highest position in the identity hierarchy. This is also the most significant difference between Western societies, which have as their basis a nationalist identity, and Eastern societies, whose religion and nationalities form an inseparable whole. The reply of the Old Said to a question about religious zeal and national zeal asked him during Sultan Reshad's Rumelia tour, summarizes very succinctly his attitude to the matter.*

“Pada kita Muslimin agama dan kebangsaan (nationhood) menjadi bersatu, walaupun ada terdapat perbezaan dari segi teori yang kelihatan pada lahiriah dan bersifat berkebetulan antara keduanya. Sesungguhnya agama adalah hayat dan roh bagi bangsa. Bila keduanya dilihat berlainan dan berpisah satu dari yang satu lagi itu, semangat keagamaan merangkumi orang awam dan orang kelas atasannya, manakala semangat kebangsaan dirasai oleh seorang dalam seratus orang, yakni, orang yang bersedia untuk mengorbankan kepentingan-kepentingan dirinya demi untuk bangsanya. Maka bila demikian halnya, semangat keagamaan mesti menjadi asas berhubungan dengan hak-hak semua orang, manakala semangat kebangsaan menjadi pihak yang memberi khidmat kepadanya dan menjadi benteng baginya.”

36. Kata beliau “Ini terutamanya kerana kita orang Timur ini tidak seperti mereka di Barat: hati kita dipandu oleh kesedaran kita tentang agama. Hakikatnya di Asialah Takdir Ilahi menentukan yang kebanyakan para rasul diutus di sana, dan itu menandakan bahawa hanya kesedaran agama yang boleh membangkitkan orang Timur dan memberangsangkannya ke arah kemajuan. Satu hujah yang meyakinkan untuk ini ialah bahawa zaman nabi Muhammad salla’Llahu alaihi wa sallam dan mereka yang mengikut baginda ... Semangat keagamaan dan semangat kebangsaan menjadi bercantum di kalangan Orang Turki dan Orang Arab, dan sekarang tidak mungkin berpisah. Semangat Islam berupa seperti rantai yang bercahaya gemilang dan teguh yang bukan datang dari alam dunia ini. Ia berupa dokongan yang teguh dan tentu, serta tidak akan gagal. Ia kota teguh yang tidak boleh dirobuhkan. (Hutbe-i Samiye, 56-7/ *The Damascus Sermon*, 59-60. Disebut dalam *Bediuzzaman and The Politics of Islamic World in The 20th Century* oleh Ahmed Davudoglu dalam

[http://www.nur.org/en/islam/nurlibrary/Bediuzzaman\\_and\\_the\\_Politics\\_of\\_the\\_20th\\_Century\\_198](http://www.nur.org/en/islam/nurlibrary/Bediuzzaman_and_the_Politics_of_the_20th_Century_198) diakses 14-12-11. Lihat pula *The Damascus Sermon* by Bediuzzaman Said Nursi

Translated from the Turkish ‘*Hutbe-i Samiye*’ by Sukran Vahide, Staff-writer of Nur-The Light Second (revised and expanded) edition 1996.

37. Kemudian kita boleh perhatikan lagi pandangannya tentang kebangsaan itu yang disebutkan sebagai positif dan negative. Katanya:

“Tambahan lagi, dalam semangat kebangsaan (*nationalism*) terdapat satu perasaan dan semangat gembira dalam jiwa, satu kesukaan yang sangat kuat, satu kuasa yang ada unsur tidak baiknya. Kerana itu mereka yang terlibat dalam kehidupan kemasyarakatan zaman ini tidak boleh disuruh supaya meninggalkan konsep kebangsaan ini. Bagaimanapun semangat kebangsaan ada dua jenis. Satu yang negatif, tidak baik, dan berbahaya; ia menjadi semarak dengan menelan pihak lain, ia kekal melalui persetujuan dengan pihak lain, dan ia tahu apa yang sedang dilakukannya. Nasionalisme yang positif timbul daripada keperluan dalaman dalam hidup kemasyarakatan dan ia menjadi sebab bagi berlakunya sikap tolong menolong dan persatuan; ia memastikan adanya kekuatan yang mendatangkan faedah; ia adalah alat untuk menguatkan lagi persaudaraan Islam. Konsep tentang nasionalisme yang positif ini mesti berkhidmat untuk Islam, ia mesti menjadi kota perlindungannya dan perisai baginya; ia mesti tidak mengambil tempat Islam itu sendiri”.

38. Kenyataan tentang dua jenis nasionalisme itu disebut lagi olehnya demikian:

*“This distinction, which Bediuzzaman expressed in the tongue of the Old Said in later periods, is also to be seen in the political approach and practice of the Old Said:*

*“The awakening of nationalism is either positive, in which case it is aroused through compassion for one’s fellow men, and is the cause of mutual recognition and assistance; or it is negative, in which case, being aroused by racialist ambitions, it is the cause of antipathy and mutual hostility. And this Islam rejects.”*

“Kesedaran dan bangkitnya nasionalisme itu sama ada positif, dalam hal ini ia bangun melalui rasa kasih sayang kepada kaum bangsa seseorang, dan ia sebab bagi kenal mengenali antara satu dengan lain serta perbuatan tolong menolong antara sesama mereka; atau ia negatif, bila ia ditimbulkan oleh semangat rasis, dan menjadi sebab kebencian dan permusuhan antara satu dengan lain. Dan ini ditolak oleh Islam. (Mektûbat, 308-9/ Letters, 380, 381-2. 31. Sünûhat, 13. Dinukil dalam ibid).

39. Kita tidak boleh meninggalkan tajuk ini dengan melupakan ibn Khaldun. Beliau yang memberi huraian yang memberi keabsahan bagi asabiyyah yang positif itu, yang dipanggil oleh Said Nursi sebagai nasionalisme yang positif. Dan Ibn Khaldun meletakkan asas kejayaan dengan kenyataan yang dibuatnya iaitu bahawa bila semangat keagamaan yang sebenar bergabung dengan asabiyyah, itu akan menjadi kekuatan yang tidak boleh dikalahkan. Dan beliau mendasarkan huraian ini atas hadith ( ما بعث الله نبيا الا في منعة من قومه ) ertinya: Tuhan tidak membangkitkan nabi melainkan ia berada dalam dokongan kekuatan kaumnya. Katanya kalaulah nabi yang ada mukjizat itu dibangkit oleh Tuhan dalam jagaan kaumnya, maka apa lagi kita orang biasa yang tidak ada mukjizat ini lebih-

lebih lagi memerlukan dokongan kekuatan kaum kita (dalam erti positif sebagaimana yang disebut dalam syarah hadith di atas tadi). (al-Muqaddimah: (1960) I: 280).

Beliau menyatakan bahawa syarat khalifah itu ia berketurunan Quraisy maksudnya ialah kerana Quraisy paling baik asabiyyahnya yang membawa kepada kejayaan kepemimpinan; maka dengan itu pada zaman bila ada golongan lain yang bagus asabiyyahnya, maka ia boleh menjadi pemimpin (katakan zaman Othmaniah Turki). Dan kalau dipasangkan ini kepada suasana kita maka sepatutnya asabiyyah positif kita di sinilah yang layak mendapat tugas kepemimpinan itu. *Amin*. Dalam negara ini jelas bahawa perjuangan kebangsaan dan semangat kebangsaan membawa kepada kemerdekaan, perpaduan, dan kemajuan, walaupun banyak lagi ruang-ruang yang perlu dipenuhi untuk menyempurnakan lagi keadaan dari segi ajaran agama dan kemajuan duniawi yang baik. Ertinya tidak timbul keperluan untuk menolak asabiyyah yang sedemikian; perbuatan menolak asabiyyah yang positif adalah menyalahi perjalanan para rasul alaihimussalatu wassalam.

40. Sebagai kesimpulan jelas boleh dilihat bahawa gerakan kebangsaan atau faham kebangsaan yang ada dalam negara ini dan yang menimbulkan gerakan membawa kepada kemerdekaan dan yang memajukan negara ini hingga ia menjadi sebutan yang sangat baik dalam negara-negara OIC adalah kebangsaan yang positif yang boleh dipertahankan keabsahannya dari segi Islam. Ia juga bukan bersifat sekular atau membawa kepada sekularisasi Islam sebagaimana yang dituduh oleh setengah pihak yang kurang cermat dalam ulasannya. Ia juga bukan bersifat rasis, bahkan ia terlalu toleran hingga haknya sendiri banyak yang terhakis sebagaimana yang biasa dibicarakan. Tentang pihak lain menyuarakan tidak puas hati itu adalah kerana pihak Orang Melayu tidak bersatu dan menunjukkan sifat-sifat positif dalam asabiyyah yang baik antara sesama mereka untuk menjadi contoh keunggulan yang diharap-harapkan; perpecahan mereka nampaknya kerana kekeliruan satu pihak untuk memahami hakikat yang sebenar berhubungan dengan sekularisme dan nasionalisme, yang selalu disebut-sebut dan di satu pihak lagi tidak muncul huraian-huraian yang meyakinkan pihak yang lain, dan ditambah dengan faktor-faktor pihak-pihak yang menangguk di air keruh, dan konflik kepartaian yang diwarnai dengan semangat dan psikologi massa, itu semua memainkan peranan dalam memecah-belahkan umat. *Insha' Allah* ini dapat diselesaikan *amin*, sebab penyakit itu ada ubatntya, kecuali pihak yang berkenaan memilih untuk menjemput maut datang kepadanya.

*Allahumma sallimna wal-muslimin. Wallahu a'lam.*

## LAMPIRAN: 6 principles of Kemalism

From <http://www.cssforum.com.pk/css-optional-subjects/group-b/political-science/21320-6-principles-kemalism.html> (accessed 11-12-11)

### **Republicanism:**

The Kemalist reforms represent a political revolution; a change from the multinational Ottoman Empire to the establishment of the nation state of Turkey and the realisation of national identity of modern Turkey. Kemalism only recognises a Republican regime for Turkey. Kemalism believes that it is only the republican regime which can best represent the wishes of the people.

### **Populism:**

The Kemalist revolution was also a social revolution in term of its content and goals. This was a revolution led by an elite with an orientation towards the people in general. The Kemalist reforms brought about a revolutionary change in the status of women through the adoption of Western codes of law in Turkey, in particular the Swiss Civil Code.

Moreover, women received the right to vote in 1934. Atatürk stated on a number of occasions that the true rulers of Turkey were the peasants. This was actually a goal rather than a reality in Turkey. In fact, in the official explanation given to the principle of populism it was stated that Kemalism was against class privileges and class distinctions and it recognized no individual, no family, no class and no organization as being above others. Kemalist ideology was, in fact, based on supreme value of Turkish citizenship. A sense of pride associated with this citizenship would give the needed psychological spur to the people to make them work harder and to achieve a sense of unity and national identity.

### **Secularism:**

Kemalist secularism did not merely mean separation of state and religion, but also the separation of religion from educational, cultural and legal affairs. It meant independence of thought and independence of institutions from the dominance of religious thinking and religious institutions. Thus, the Kemalist revolution was also a secularist revolution. Many Kemalist reforms were made to bring about secularism, and others were realised because secularism had been achieved. The Kemalist principle of secularism did not advocate atheism. It was not an anti-God principle. It was a rationalist, anti-clerical secularism. The Kemalist principle of secularism was not against an enlightened Islam, but against an Islam which was opposed to modernisation.

### **Reformism:**

One of the most important principles that Atatürk formulated was the principle of reformism or revolutionism. This principle meant that Turkey made reforms and that the country replaced traditional institutions with modern institutions. It meant that traditional concepts were eliminated and modern concepts were adopted. The principle of reformism went beyond the recognition of the reforms which were made.

### **Nationalism:**

The Kemalist revolution was also a nationalist revolution. Kemalist nationalism was not racist. It was meant to preserve the independence of the Republic of Turkey and also to help the Republic's political development. It was a nationalism which respected the right to independence of all other nations. It was a nationalism with a social content. It was not only anti-imperialist, but it was also against the rule of a dynasty or of any particular social class over Turkish society. Kemalist nationalism believes in the principle that the Turkish state is an indivisible whole comprising its territory and people.

### **Statism:**

Kemal Atatürk made clear in his statements and policies that Turkey's complete modernisation was very much dependent on economic and technological development. The principle of statism was interpreted to mean that the state was to regulate the country's general economic activity and the state was to engage in areas where private enterprise was not willing to do so, or where private enterprise had proved to be inadequate, or if national interest required it. In the application of the principle of statism, however, the state emerged not only as the principle source of economic activity but also as the owner of the major industries of the country

### **Bibliografi ringkas:**

1. Ahmad Davudoglu, 'Badiuzzaman and the Politics of the Islamic World of the Twentieth Century', dalam <http://www.nur.org/en/islam/nurlibrary/> akses 12-12-11
2. Aunul-Ma'bud Sharah Hadith Abu Daud, karangan Shams al-Haqq al-'Azim Abadi, Abu Tayyib, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1451 Hijrah, jilid 14 hal. 19-20
3. Catholic Encyclopedia on line, 'secularism' (<http://www.newadvent.org/cathen/13676a.htm>) akses 20-12-11
4. Cheah Boon Kheng (2002), Malaysia: The Making of A Nation, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
5. Fathul Bari sharah al-Bukhari, melalui raqamiya.org akses 23-12-11
6. George Jacob Holyoake (1871) THE PRINCIPLES OF SECULARISM [third edition, revised.] LONDON: BOOK STORE, 282, STRAND; Austin. & Co., 17, Johnson's court, Fleet Street. through Gutenberg project.com)
7. Leo Suryadinata ed. 'Nationalism and Globalization' (2000), terbitan Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, tahun 2000 terutama bab tentang Malaysia dan cabaran globalisasi terhadap nasionalisme Melayu di dalamnya.
8. Mirqatul Fawatih Sharah Mishkat al-Masabih oleh Mulla Ali al-Qari jilid 14 melalui almeshkat.com akses 23-12-11
9. New Catholic encyclopedia, vol.12, 2<sup>nd</sup> edition, 2003, Catholic University of America, Washington, s.v. secularism and secularization.
10. Oxford Dictionary of the English Language, 1970, jilid ix.OUP.London.
11. Ozay Mehmet (1990) Islamic Identity and Development-Studies of the Islamic Periphery, Routledge, London-New York.
12. Perlembagaan UMNO Dipersetujui Dalam Perhimpunan Khas 1991
13. Perlembagaan PAS (Pindaan 1993)
14. Sukran Vahide, (1996) The Damascus Sermon. Translated from the Turkish 'Hutbe-i Samiye' by Sukran Vahide, Staff-writer of Nur-The Light Second (revised and expanded) edition 1996. Copyright 1989, 1996 by Sozler Nesriyat ve Sanayi A.S.All rights reserved.
15. Terence Chong,(2009) "Nationalism in Southeast Asia: Revisiting Kahin, Roff, and Anderson": SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia. Volume: 24. Issue: 1, Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS)
16. <http://www.cssforum.com.pk/css-optional-subjects/group-b/political-science/21320-6-principles-kemalism.html>. (accessed 11-12-11)